

# Pembangking tak syukur dengan kemajuan negara

BALING 30 Mac — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad meminta rakyat menolak pembangking kerana mereka bukan saja tidak membawa kemajuan, malah tidak bersyukur dengan kejayaan dan kemajuan negara selama ini.

Perdana Menteri menegaskan, pemimpin parti pembangking bersikap angkuh dengan tidak pernah mahu menunjukkan penghargaan terhadap pencapaian negara, sebaliknya menuduh kerajaan melakukan perbuatan yang tidak bertanggungjawab.

“Mereka (pemimpin parti pembangking) hanya tahu memburuk-burukkan pemimpin kerajaan, sedangkan negara lain termasuk negara maju sendiri menghormati Malaysia,” tegas beliau.

Menurut Perdana Menteri, sikap pemimpin parti pembangking itu jelas mempunyai motif tertentu terutama untuk mendapat-

kan undi bagi membolehkan diri masing-masing dipilih sebagai wakil rakyat.

Katanya, apabila dipilih nanti mereka sudah tentunya mendapat sedikit sebanyak faedah seperti elaun wakil rakyat dan sebagainya.

Beliau berkata demikian pada majlis perhimpunan bersama rakyat yang dihadiri oleh kira-kira 10,000 penduduk sempena perasmian pekan baru Kampung Lalang, dekat sini hari ini.

Isteri Perdana Menteri, Datuk Paduka Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, Menteri Besar, Tan Sri Osman Aroff dan para pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) turut hadir pada majlis itu.

Pemimpin-pemimpin parti pembangking juga, kata Dr. Mahathir, tidak pernah menyentuh mengenai keharmonian dan pencapaian negara sebaliknya lebih gemar mengecam dan memaki hamun kerajaan BN.

“Negara kita aman dan banyak pembangunan... ini yang patut mereka beritahu dalam ceramah mereka, tapi mereka tak pernah kata sedemikian.

“Semua yang mereka cakap adalah untuk kepentingan politik parti dan tidak sedikit pun berkaitan dengan apa yang telah kita buat,” tegasnya.

Perdana Menteri menegaskan, tidak ada kebaikan bagi Pas untuk terus mengecam kerajaan sehingga menimbulkan permusuhan.

“Apa salah kita bekerjasama, bersama-sama memajukan negara dan mengagihkan kekayaan sama ada di bandar atau di luar bandar,” jelas beliau.

Bagaimanapun, kata Dr. Mahathir, para pemimpin Pas begitu angkuh dengan menonjolkan hanya mereka sahaja yang Islam sedangkan orang lain tidak.

“Orang lain turut melakukan ibadat yang Islam tuntutan, jangan tuduh orang

lain tidak Islam semata-mata kerana mereka tidak menyertai parti itu (Pas),” ujarnya.

Perkara sedemikian kata Perdana Menteri, timbul bila tiba musim pilihanraya kerana pada waktu itu para pemimpin Pas berebut-rebut ingin menjadi wakil rakyat.

“Saya ingin mengingatkan para pemimpin Pas, jangan jual ayat-ayat Quran dengan harga yang begitu murah semata-mata untuk mendapatkan undi.

“Kerja sebegini (jual ayat Quran) adalah kerja Pas untuk kelirukan rakyat,” tegasnya.

Orang yang tidak bersyukur juga kata beliau, adalah orang tidak mengikut ajaran Islam dan akan menerima padah dan balasan.

Sehubungan itu beliau menyeru rakyat di negara ini agar terus menyokong dan memilih kerajaan BN bagi membolehkan kerajaan meneruskan pembangunan dan membawa kesejahteraan kepada rakyat.